



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

Bil. 96 / 2019

### **MESYUARAT KHAS BERKAITAN URUSAN PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN P.176 KIMANIS**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa satu Mesyuarat Khas berkaitan urusan Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Parlimen P.176 Kimanis akan diadakan seperti mana maklumat berikut;

**Tarikh : 16 Disember 2019 (Isnin)**

**Masa : 10.00 pagi**

**Tempat: Bilik Gerakan, Menara SPR, Putrajaya**

Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **Pengerusi SPR, YBhg Datuk Azhar Azizan Harun** yang akan membincangkan mengenai tarikh-tarikh penting urusan PRK seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian Awal, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya itu.

Satu sidang media akan diadakan selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

---

**DATUK MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 12 Disember 2019 / 15 Rabiul Akhir 1441H